

D104

R B142 AAB  
MAHATHIR - DEB  
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 6 PETANG INI)

=====

(I)

KUALA LUMPUR, 28 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN AKAN BERSIKAP LEBIH TEGAS DALAM MENGAWASI BUMIPUTERA BAGI MEMASTIKAN MEREKA MENGUBAH APA YANG BELIAU SIFATKAN SEBAGAI +SIKAP YANG MENGECEWAKAN+.

PERDANA MENTERI BERKATA PENEKANAN SEKARANG AKAN DITUMPUKAN BAGI MELAHIRKAN PENGURUS BUMIPUTERA YANG BAIK -- MEREKA YANG BOLEH BERJAYA SECARA BERDIKARI TANPA BERGANTUNG KEPADA BANTUAN KERAJAAN.

DALAM WAWANCARA AKHIR TAHUN DENGAN EDITOR-EDITOR KANAN MEDIA TEMPATAN, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERCAKAP MENGENAI KONSEP PERNIAGAAN +ALI BABA+ YANG BERBEZA IAITU ALI SEBAGAI RAKAN KONGSI YANG BEKERJA, BUKANNYA RAKAN KONGSI YANG TIDAK BERBUAT APA-APA.

PERDANA MENTERI, YANG MEMBERI PENJELASAN PANJANG LEBAR MENGENAI KEJAYAAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) DAN HAL-HAL YANG MENDATANG BERHUBUNG DASAR ITU, BERKATA BELIAU KECEWA DENGAN SIKAP BUMIPUTERA YANG MEMANDANG DEB BUKAN SEBAGAI JAMBATAN UNTUK MENDAPATKAN KEMAHIRAN TETAPI SEBAGAI JALAN UNTUK CEPAT KAYA.

BELIAU BERKATA ORANG SEPERTI INI SANGGUP MENGGGADAI HAK MEREKA DI BAWAH DEB BAGI MENDAPATKAN KEUNTUNGAN CEPAT. -- LAGI.  
1610MST 28 12 89

D105

R B143 AAB  
MAHATHIR - DEB 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+DENGAN MENJUAL NAMA, LESEN-LESEN, MEREKA FIKIR INILAH CARA YANG DEB HENDAKKAN MEREKA LAKUKAN,+ KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA TERDAPAT JUGA BUKAN BUMIPUTERA YANG SANGGUP MEMBAYAR KEPADA BUMIPUTERA SUPAYA MEREKA TIDAK PERLU BERSUSAH PAYAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DENGAN MEMBIARKAN ORANG LAIN MENGURUS DAN MENDAPATKAN SEDIKIT WANG DENGAN MENYERAHKAN LESEN-LESEN, BUMIPUTERA KEHILANGAN PELUANG-PELUANG UNTUK BELAJAR MENGURUS DAN BELAJAR ETIKA KERJA YANG BAIK.

AKIBATNYA, MEREKA TIDAK BOLEH BERJAYA JIKA DIBIARKAN BERSENDIRIAN.

BELIAU, BAGAIMANAPUN, MENGAKUI BAHAWA KERAJAAN JUGA SILAP KERANA TERLALU BERTOLAK ANSUR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENEKANAN SEKARANG IALAH UNTUK MELAHIRKAN PENGURUS-PENGURUS BUMIPUTERA YANG BAIK -- MEREKA YANG BENAR-BENAR BOLEH MEMBUAT KERJA.

KATANYA, KERAJAAN MENGGALAKKAN USAHASAMA ANTARA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA ATAU APA YANG DIPANGGIL PERNIAGAAN +ALI BABA.+ -- LAGI.

1612MST 28 12 89

D109

R B144 AAB  
MAHATHIR - DEB 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+DENGAN MENJUAL NAMA, LESEN-LESEN, MEREKA FIKIR INILAH CARA YANG DEB HENDAKKAN MEREKA LAKUKAN,+ KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA TERDAPAT JUGA BUKAN BUMIPUTERA YANG SANGGUP MEMBAYAR KEPADA BUMIPUTERA SUPAYA MEREKA TIDAK PERLU BERSUSAH PAYAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DENGAN MEMBIARKAN ORANG LAIN MENGURUS DAN MENDAPATKAN SEDIKIT WANG DENGAN MENYERAHKAN LESEN-LESEN, BUMIPUTERA KEHILANGAN PELUANG-PELUANG UNTUK BELAJAR MENGURUS DAN BELAJAR ETIKA KERJA YANG BAIK.

AKIBATNYA, MEREKA TIDAK BOLEH BERJAYA JIKA DIBIARKAN BERSENDIRIAN.

BELIAU, BAGAIMANAPUN, MENGAKUI BAHAWA KERAJAAN JUGA SILAP KERANA TERLALU BERTOLAK ANSUR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENEKANAN SEKARANG IALAH UNTUK MELAHIRKAN PENGURUS-PENGURUS BUMIPUTERA YANG BAIK -- MEREKA YANG BENAR-BENAR BOLEH MEMBUAT KERJA.

KATANYA, KERAJAAN MENGGALAKKAN USAHASAMA ANTARA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA ATAU APA YANG DIPANGGIL PERNIAGAAN +ALI BABA.+ -- LAGI.

1619MST 28 12 89

R B145 AAB  
MAHATHIR - DEB 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+TETAPI KITA MAHU ALI BEKERJA DAN JIKA TIDAK TERDAPAT BUKTI ALI ADA MEMBUAT KERJA, KITA AKAN MEMBERI LESEN KEPADA BABA.

+JIKA DIA (ALI) MAHU LESEN UNTUK DIA SENDIRI, DIA MESTI KERJA DAN BUKTIKAN DIA BEKERJA... DIA MESTI BERUNDING, DIA MESTI KELUARKAN MODAL, JIKA DIA TIDAK MEMPUNYAI MODAL, DIA PERLU MASUKKAN MODAL DARIPADA APA-APA KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHINYA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+ALI+ JUGA MESTI SANGGUP RUGI DAN TIDAK MENDAPAT UNTUNG PADA PERINGKAT AWAL DAN MENDERITA DAHULU, KATANYA.

+KITA AKAN LAMA-KELAMAAN SAMPAI KEPADA INI, SEBAB ITU KITA MULAKAN UNIVERSITI DENGAN MEMBERI PENEKANAN KHUSUSNYA KEPADA PENGURUSAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA BUMIPUTERA, DALAM KEADAAN TIDAK MEMPUNYAI KEMAHIRAN PENGURUSAN, PERLU BELAJAR DARIPADA PENGALAMAN, TETAPI OLEH KERANA MEREKA TIDAK BERBUAT DEMIKIAN, MEREKA PERLU DIAJAR. -- LAGI.  
1621MST 28 12 89

D111

R B146 AAB  
MAHATHIR - DEB 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BERSEDIA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG TIDAK POPULAR BAGI MEMENUHI TANGGUNGJAWABNYA.

+SAMPAI BILA KITA HARUS MEMBERI BANTUAN KEPADA MEREKA SEPERTI YANG DILAKUKAN SEKARANG INI?+ TANYA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA, DENGAN MENGAMBIL KIRA KADAR PERTUMBUHAN NEGARA, DEB TELAH DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BAIK.

KADAR PERTUMBUHAN BUMIPUTERA DARIPADA SATU PERATUS KEPADA 19 PERATUS ATAU 20 PERATUS DALAM 20 TAHUN BERERTI PADA KADAR 2000 PERATUS BAGI TEMPOH SELAMA 20 TAHUN ATAU ATAU LEBIH KURANG 100 PERATUS SETAHUN.

+DARIPADA SEGI INI, IA MERUPAKAN SATU KEJAYAAN,+ KATA BELIAU.

+(TETAPI) TERDAPAT BEBERAPA ASPEK LAIN DALAM DEB, YANG MANA DISEBABKAN TIDAK TERLALU KONTROVERSIAL, KITA TIDAK PERNAH SEBUT LANGSUNG.

+CONTOHNYA, KITA BERJAYA MENGURANGKAN KEMISKINAN DAN INI JUGA SATU KEJAYAAN BESAR.+ -- BERNAMA.

1623MST 28 12 89